



KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI JABATAN ALAM SEKITAR

KE ARAH INTEGRITI DAN TADBIR URUS LEBIH BAIK, BERINTEGRITI DAN BEBAS RASUAH”

15 JANUARI 2021, PUTRAJAYA – Pelan Antirasuah Organisasi (*Organisational Anti-Corruption Plan: OACP*) Jabatan Alam Sekitar (JAS) Malaysia telah dilancarkan pada 29 Disember 2020. Ini adalah selaras dengan kehendak Kerajaan yang telah dinyatakan dalam Pelan Antirasuah Nasional (*National Anti-Corruption Plan: NACP*) 2019 - 2023.

OACP JAS dirangka untuk mencapai Visi “Kelestarian Alam Sekitar Untuk Kesejahteraan Rakyat Melalui Tadbir Urus Baik, Berintegriti dan Bebas Rasuah” dengan berteraskan tiga (3) strategi utama:

- i. Memantapkan kecekapan, ketelusan dan integriti tugas-tugas penguatkuasaan, pencegahan dan kawalan pencemaran;
- ii. Memastikan pembangunan secara lestari dalam proses kemajuan negara; dan
- iii. Memantapkan kualiti penyampaian perkhidmatan JAS.

Strategi pelaksanaan pelan ini menggariskan 7 Objektif Strategik dan 44 Inisiatif yang akan dilaksanakan dalam tempoh 2020 – 2024, selaras dengan Misi OACP JAS iaitu “Memastikan Pembangunan Lestari di dalam Proses Memajukan Negara Dilaksanakan Secara Professional dan Berintegriti”.

Pelan OACP ini akan menjadi panduan ke arah melaksanakan agenda integriti dalam JAS secara holistik dan saya bersama seluruh warga JAS beriltizam melaksanakan pelan ini bagi menjadikan negara ini sentiasa bebas daripada amalan rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan.

JAS sentiasa berkhidmat dengan penuh dedikasi dan berintegriti dalam menjalankan amanah demi kelestarian alam sekitar dan kesejahteraan rakyat.

PUAN NORLIN JAAFAR
Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia

Dikeluarkan pada 15 Januari 2021



Penyerahan Buku OACP JAS kepada Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAS



KEMENTERIAN ALAM SEKITAR DAN AIR
Ministry of Environment And Water



PELAN

**ANTIRASUAH
ORGANISASI**

*ORGANISATIONAL
ANTI-CORRUPTION
PLAN (OACP)*

2020 hingga
2024

JABATAN ALAM SEKITAR MALAYSIA

Pelan Antirasuah Organisasi (*Organisational Anti-Corruption Plan: OACP*) Jabatan Alam Sekitar